

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 25 MAC 2015

RUJUKAN : 7706

SOALAN:

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pegawai polis yang dikenakan amaran mahupun tindakan kerana terlibat dalam kes rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM sentiasa memandang serius dan mengambil tindakan yang tegas terhadap pegawai dan anggotanya yang tidak berintegriti, terutamanya yang melibatkan kes rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa. Statistik menunjukkan bahawa daripada tahun 2011 sehingga 2014, seramai 17 orang pegawai/ anggota polis dari Kontinjen Sarawak yang telah dikenakan tindakan tatatertib di atas salahlaku tersebut.